



**RANGKA KERJA
AUDIT PEMATUHAN
DI BAWAH
SUBSEKSYEN 44(6), 44(6B),
44(11D) DAN
P.U (A) 139/2020
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

KANDUNGAN

Muka
Surat

1.	Pengenalan	1
2.	KUASA YANG DIPERUNTUKKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG	1
3.	SYARAT-SYARAT KELULUSAN YANG PERLU DIPATUHI UNTUK DIBERIKAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6), 44(6B), 44(11D) DAN P.U (A) 139/2020 ACP 1967	3
4.	KERJA-KERJA AUDIT PEMATUHAN SUBSEKSYEN 44(6), 44(6B), 44(11D) DAN P.U (A) 139/2020 ACP 1967	3
5.	OBJEKTIF AUDIT PEMATUHAN	4
6.	TAHUN TAKSIRAN YANG DILIPUTI	4
7.	PEMILIHAN KES SEMAKAN AUDIT PEMATUHAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6),44(6B),44(11D) DAN P.U (A) 139/2020 ACP 1967	4
8.	PELAKSANAAN AUDIT PEMATUHAN KELULUSAN YANG TELAH DIBERIKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6),44 (6B),44 (11D) DAN P.U (A) 139/2020 ACP 1967	5
	8.1 Tempat Audit Dijalankan	5
	8.2 Permulaan Audit Pematuhan	5
	8.3 Lawatan Audit Pematuhan	6
	8.4 Semakan Rekod	7
	8.5 Penyelesaian Audit Pematuhan	9
	8.6 Tindakan Selepas Audit Pematuhan	10
9.	HAK DAN TANGGUNGJAWAB	10
	9.1 LHDNM	10
	9.2 Badan-badan diluluskan	12
	9.3 Ejen Cukai Berdaftar	14
10.	LAYANAN CUKAI SELEPAS SEMAKAN AUDIT PEMATUHAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6),44(6B), 44(11D) DAN P.U (A) 139/2020 ACP 1967	15
11.	KERAHSIAAN MAKLUMAT	15
12.	PENGADUAN	15
13.	TARIKH KUATKUASA	16

1. PENGENALAN

- 1.1 Rangka kerja audit pematuhan ini disediakan bertujuan untuk memberikan penjelasan berhubung tatacara audit pematuhan ke atas **institusi atau organisasi atau tabung atau pihak berkuasa agama atau badan atau universiti awam atau syarikat berhad menurut jaminan yang mengendalikan rumah ibadat yang telah diberikan kelulusan di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967** (selepas ini disebut **badan-badan diluluskan**). Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memastikan audit pematuhan dilaksanakan dengan adil, telus, seragam dan saksama.
- 1.2 Pengecualian cukai yang dinikmati badan diluluskan mestilah selaras dengan objektif penubuhan tersebut. Oleh yang demikian, syarat-syarat kelulusan hendaklah sentiasa dipatuhi sepanjang tempoh kelulusan dinikmati oleh badan - badan diluluskan tersebut.
- 1.3 Rangka kerja ini juga menggariskan hak serta tanggungjawab pegawai audit, wakil badan-badan diluluskan dan ejen cukai. Secara umumnya, rangka kerja ini bertujuan untuk:
- membantu pegawai audit menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan; dan
 - membantu badan-badan diluluskan memenuhi tanggungjawab mereka.

2. KUASA YANG DIPERUNTUKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG

Peruntukan undang – undang di bawah ACP 1967 yang relevan berhubung pematuhan subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 adalah:

Peruntukan	Perkara
a) subseksyen 44(6)	Institusi atau organisasi atau tabung yang diluluskan permohonan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
b) subseksyen 44(6B)	Institusi, organisasi, pihak berkuasa agama atau badan atau universiti awam dalam tempoh 30 hari merayu kepada Menteri.

c) subseksyen 44(7)	Takrif institusi atau organisasi atau tabung yang layak.
d) subseksyen 44(7A) (a)	Peruntukan 25% daripada dana terkumpul.
e) subseksyen 44(7A) (b)	Kelulusan Menteri aktiviti kebajikan luar Negara.
f) subseksyen 44(7B)	Penentuan perniagaan yang tidak boleh dijalankan institusi, organisasi atau tabung; (a) aktiviti utama institusi, organisasi atau tabung; (b) dijalankan oleh orang yang berkepentingan dalam institusi, organisasi atau tabung.
g) subseksyen 44(11D)	Pihak berkuasa agama atau badan atau universiti awam yang layak.
h) seksyen 78	Kuasa untuk meminta penyata khusus dan pengemukaan buku – buku tertentu.
i) seksyen 79	Kuasa untuk meminta penyata akaun bank dan sebagainya.
j) seksyen 80	Kuasa untuk mengakses bangunan, dokumen dan sebagainya.
k) seksyen 81	Kuasa untuk meminta maklumat.
l) seksyen 82	Kewajipan penyimpanan rekod dan mengemukakan resit.
m) seksyen 116	Kesalahan bagi memberi atau menyebabkan halangan kepada pegawai.
n) seksyen 119A	Kesalahan bagi kegagalan menyimpan rekod.
o) seksyen 138	Peruntukan kerahsiaan.
p) seksyen 138A	Ketetapan umum.
q) seksyen 148	Kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) berkenaan dengan kelulusan.

r) P.U (A) 139/2020

Pengecualian pendapatan syarikat berhad menurut jaminan yang mengendalikan tempat ibadat

3. SYARAT-SYARAT KELULUSAN YANG PERLU DIPATUHI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6), 44(6B), 44(11D) DAN P.U.(A) 139/2020 ACP 1967;

- 3.1 Badan-badan diluluskan hendaklah mematuhi syarat-syarat kelulusan yang dinyatakan dalam surat kelulusan oleh KPHDN.
- 3.2 Syarat-syarat kelulusan ini dinyatakan secara amnya dalam Garis Panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN kepada badan-badan diluluskan di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 ACP 1967.

4. KERJA-KERJA AUDIT PEMATUHAN SUBSEKSYEN 44(6), 44(6B), 44(11D) DAN P.U (A) 139/2020 ACP 1967

4.1 Kerja-kerja audit pematuhan ini meliputi:

- (a) semakan syarat-syarat kelulusan yang ditetapkan ke atas badan-badan diluluskan; dan
- (b) semakan objektif penubuhan badan-badan diluluskan yang ditubuhkan di Malaysia dan tidak berorientasikan keuntungan.

4.2 LHDNM menjalankan dua (2) jenis audit pematuhan, iaitu audit meja dan audit luar:

(a) Audit Meja

Dijalankan di pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) iaitu melibatkan semakan akaun beraudit dan diselesaikan melalui surat-menyurat.

(b) Audit Luar

- i. Audit luar dijalankan di premis badan-badan diluluskan;
- ii. ia melibatkan semakan yang dibuat terhadap objektif, aktiviti dan perbelanjaan semata-mata berlandaskan objektif penubuhan sepertimana diluluskan; dan
- iii. wakil badan-badan diluluskan akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan audit luar dijalankan.

4.3 Secara umum, Rangka Kerja Audit Pematuhan ini adalah terpakai bagi kedua-dua jenis audit iaitu audit meja dan audit luar.

5. OBJEKTIF AUDIT PEMATUHAN

5.1 Objektif utama audit pematuhan kelulusan subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 ACP 1967 ke atas badan-badan diluluskan adalah bagi memastikan:

- a) pematuhan terhadap syarat – syarat kelulusan berdasarkan garis panduan yang sedang berkuatkuasa;
- b) tiada penyelewengan pengurusan dana awam yang diterima dalam bentuk derma tunai oleh badan-badan diluluskan; dan
- c) memastikan badan-badan diluluskan di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 ACP 1967 bukan berorientasikan keuntungan dan tumpuan kepada objektif penubuhan semata-mata.

6. TAHUN TAKSIRAN YANG BERKAITAN

Audit pematuhan bagi kelulusan yang telah diberikan di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 ACP 1967 meliputi satu (1) hingga tiga (3) tahun taksiran bergantung kepada kepatuhan pada syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun di bawah subseksyen 148 ACP 1967, KPHDN mempunyai kuasa untuk melanjutkan audit pematuhan untuk tahun-tahun kelulusan kebelakangan sekiranya perlu.

7. PEMILIHAN KES AUDIT PEMATUHAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44 (6) , 44 (6B) , 44 (11D) DAN P.U.(A) 139/2020 ACP 1967

7.1 Asas pemilihan kes audit pematuhan :

7.1.1 kegagalan menghantar akaun beraudit;

7.1.2 maklumat yang diterima daripada pihak ketiga; dan

7.1.3 pemilihan berdasarkan objektif tertentu.

8. PELAKSANAAN AUDIT PEMATUHAN KELULUSAN YANG TELAH DIBERIKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) , 44 (6B) , 44 (11D) DAN P.U.(A) 139/2020 ACP 1967

8.1 Tempat audit pematuhan dijalankan

8.1.1 Audit meja dilaksanakan di pejabat LHDNM manakala audit luar perlu dijalankan di premis badan-badan diluluskan.

8.1.2 Premis perlu dilawati bagi memastikan aktiviti kebajikan dan pengurusan badan-badan diluluskan beroperasi dan dijalankan seperti kelulusan permohonan.

8.2 Permulaan audit pematuhan

8.2.2 Badan-badan diluluskan yang dipilih untuk audit luar akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan lawatan audit pematuhan yang akan dikeluarkan secara emel rasmi atau faksimili atau pos.

8.2.3 Tempoh surat pemberitahuan lawatan audit pematuhan akan dikeluarkan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh lawatan. Walau bagaimanapun, sekiranya LHDNM memerlukan tempoh yang lebih pendek ianya boleh ditetapkan dengan persetujuan wakil badan-badan diluluskan.

8.2.4 Surat pemberitahuan lawatan audit pematuhan akan mengandungi perkara-perkara berikut:

- a. Tarikh lawatan;
- b. Rekod dan dokumen yang perlu disediakan;
- c. Tahun taksiran yang akan diaudit;
- d. Nama pegawai audit; dan
- e. Jangka masa lawatan.

8.2.5 Wakil badan-badan diluluskan boleh menghubungi Pengurus Audit atau Pengarah Bahagian bagi tujuan pengesahan lawatan audit tersebut.

8.2.6 Pihak wakil badan-badan diluluskan boleh membuat permohonan untuk satu tempoh penangguhan/perlanjutan tarikh audit luar atau pengemukaan dokumen atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan atau alasan yang munasabah.

8.3 Lawatan Audit Pematuhan

8.3.1 Lawatan audit pematuhan terpakai bagi aktiviti audit luar sahaja. Lawatan audit pematuhan akan bermula dengan sesi temuduga.

8.3.2 Semasa lawatan audit, pegawai audit akan:

- a. memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa yang memaparkan nama dan gambar pegawai berkenaan atau surat kuasa yang dikeluarkan oleh LHDNM;
- b. memberitahu tujuan lawatan kepada wakil badan-badan diluluskan di peringkat awal lawatan;
- c. memaklumkan kepada wakil badan-badan diluluskan/ejen cukai bahawa di bawah seksyen 80 ACP 1967, pegawai berkenaan pada setiap masa mempunyai kuasa sepenuhnya dan bebas untuk:
 - i. memasuki serta memeriksa segala tanah, bangunan dan tempat; dan
 - ii. melihat segala buku, dokumen, objek, artikel, material dan barang serta memeriksa, mengambil, membuat salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen tanpa membuat apa-apa bayaran.
- d. memberitahu skop dan tempoh semakan/pemeriksaan dokumen yang perlu diambil untuk audit;
- e. memberitahu nama, nombor telefon pejabat pegawai dan pegawai kanan yang mengawasi pengauditan;
- f. memberitahu hak dan tanggungjawab badan-badan diluluskan semasa pengauditan dijalankan;
- g. membuat semakan/pemeriksaan dokumen di tempat-tempat yang dilawati;
- h. mengakses, memuat turun dan mengambil maklumat yang berkaitan daripada sebarang peralatan media elektronik; dan
- i. menemuduga wakil badan-badan diluluskan serta orang-orang yang

berkenaan.

- 8.3.3 Tujuan temuduga adalah untuk membolehkan pegawai audit bertemu dengan wakil badan-badan diluluskan di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 ACP 1967 .
- 8.3.4 Ianya juga bagi mendapatkan gambaran jelas bahawa aktiviti yang dijalankan oleh badan-badan diluluskan tidak berorientasikan keuntungan.
- 8.3.5 Wakil badan-badan diluluskan dikehendaki memberi penjelasan berkenaan aktiviti yang dijalankan adalah tidak berorientasikan keuntungan, sistem perakaunan yang diguna pakai dan penyimpanan rekod.
- 8.3.6 Semasa audit luar ini dijalankan, individu yang mengendalikan penyimpanan rekod-rekod badan-badan diluluskan juga turut ditemuduga.
- 8.3.7 Dalam keadaan tertentu, lawatan audit tidak akan dibuat di premis badan-badan diluluskan dan semakan dokumen hanya dilaksanakan di pejabat LHDNM.

8.4 Semakan Rekod

- 8.4.1 Semasa proses audit luar, pegawai audit hendaklah dibenarkan menyemak semua rekod badan-badan diluluskan secara fizikal bagi mengesahkan perbelanjaan yang dibuat adalah berlandaskan objektif.
- 8.4.2 Pegawai audit tidak dibenarkan mengeledah dan merampas rekod-rekod badan-badan diluluskan.
- 8.4.3 Semakan rekod hanya akan dilakukan di premis badan-badan diluluskan.
- 8.4.4 Sekiranya perlu, pegawai audit hendaklah dibenarkan membuat salinan rekod dan dokumen yang berkaitan.
- 8.4.5 Walau bagaimanapun, dalam keadaan tempat/suasana yang disediakan untuk menjalankan kerja-kerja pematuhan tidak sesuai seperti tiada kemudahan mesin penyalin, pegawai audit boleh meminta kebenaran untuk meminjam dokumen dan rekod untuk dibawa balik serta disemak di pejabat.
- 8.4.6 Setelah selesai disemak, rekod dan dokumen tersebut akan dikembalikan

berdasarkan tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

- 8.4.7 Dokumen atau rekod yang dipinjam akan disenaraikan dan senarai tersebut boleh disemak serta dibuat salinan (jika diperlukan) untuk diberikan kepada wakil badan-badan diluluskan yang berkaitan.
- 8.4.8 Sekiranya buku atau rekod perakaunan disimpan secara elektronik, cetakan salinan lengkap penyata akaun dan semua rekod transaksi hendaklah dibuat bagi memudahkan pegawai audit membuat semakan.
- 8.4.9 Jika pegawai audit tidak disediakan dengan dokumen bercetak yang dikehendaki, pegawai audit hendaklah diberi kebenaran dan bantuan untuk mengakses sistem komputer badan-badan diluluskan serta memuat turun dokumen-dokumen yang dikehendaki tersebut ke dalam pita, cakera padat, pemacu pena (*pen drive*), penyimpan data mudah alih (*portable hard disc*) atau medium penyimpanan yang lain.
- 8.4.10 Pegawai audit akan menjalankan semakan ke atas semua dokumen dan rekod yang berkaitan bagi menentukan pematuhan syarat-syarat kelulusan oleh badan-badan diluluskan.
- 8.4.11 Peruntukan seksyen 82 ACP menghendaki penyimpanan rekod yang mencukupi dan lengkap bagi membolehkan semakan dokumen dijalankan.
- 8.4.12 Rekod dan dokumen adalah termasuk:
- (a) buku resit rasmi pengecualian cukai yang diluluskan oleh LHDNM,
 - (b) buku akaun yang merekod pengeluaran resit penerimaan dana atau sumbangan dan pembayaran atau pendapatan dan perbelanjaan;
 - (c) penyata kewangan;
 - (d) inbois, baucar, resit dan sebarang dokumen lain yang perlu untuk mengesahkan mana-mana perkara yang direkodkan dalam buku akaun;
 - (e) dokumen, objek, bahan-bahan, artikel dan benda yang dikendalikan dan disimpan dalam sebarang bentuk medium elektronik; dan

(f) sebarang rekod lain yang ditetapkan oleh KPHDN.

8.4.13 Peruntukan seksyen 82 ACP menghendaki badan-badan diluluskan menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap bagi membolehkan pendapatan badan-badan diluluskan ditentukan.

8.4.14 Kegagalan mematuhi subseksyen 82(1), 82 (3) dan 82 (5) ACP untuk menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap adalah satu kesalahan di bawah seksyen 119A ACP.

8.4.15 Sekiranya badan-badan diluluskan menyimpan rekod yang mencukupi dan lengkap, audit pematuhan akan dijalankan berdasarkan kaedah atau pendekatan yang terbaik bagi menentukan sama ada terdapat pematuhan kepada syarat kelulusan.

8.5 Penyelesaian Audit Pematuhan

8.5.1 Wakil badan-badan diluluskan akan dimaklumkan secara bertulis melalui Surat Penemuan Audit yang meliputi perkara-perkara berikut:

- a. isu-isu audit yang dibangkitkan; dan
- b. sebab dan rasional isu-isu yang dibangkitkan.

8.5.2 Wakil badan-badan diluluskan akan diberi peluang untuk memberi maklumbalas dan penjelasan berkenaan dengan penemuan audit.

8.5.3 Jika badan-badan diluluskan tidak berpuas hati dengan penemuan audit yang dikeluarkan, wakil bolehlah membuat bantahan secara rasmi dalam tempoh **18 hari** kalendar dari tarikh Surat Penemuan Audit dengan mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahannya.

8.5.4 Wakil badan-badan diluluskan akan diminta hadir ke pejabat LHDNM bagi membincangkan isu audit pematuhan.

8.5.5 Lanjutan masa 7 hari kalendar akan diberikan sekiranya badan-badan diluluskan masih perlu mengemukakan maklumat tambahan dan bukti-bukti untuk menyokong bantahan tersebut.

8.5.6 Jika tiada bantahan dalam tempoh 18 hari kalendar dari tarikh Surat Penemuan Audit, badan-badan diluluskan dianggap bersetuju dengan

penemuan audit tersebut.

- 8.5.7 Surat penyelesaian audit pematuhan akan dikeluarkan setelah semua tindakan selesai.
- 8.5.8 Kes audit pematuhan perlu diselesaikan dalam tempoh 90 hari kalendar dari permulaan tarikh lawatan audit. Sekiranya kes tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 90 hari kalendar, LHDNM akan memaklumkan kepada wakil badan-badan diluluskan .
- 8.6 Tindakan selepas audit pematuhan ke atas kes-kes yang telah diberikan kelulusan di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 ACP 1967
- 8.6.1 Sekiranya badan-badan diluluskan melanggar mana-mana **syarat kelulusan** atau ACP 1967, KPHDN atas budibicara boleh **membatalkan** kelulusan di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 ACP 1967 .
- 8.6.2 Perkataan syarat kelulusan di perenggan 8.6.1 termasuk syarat kelulusan dan tanggungjawab badan-badan diluluskan selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 ACP 1967 yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.
- 8.6.3 Sekiranya kelulusan ditarik balik, cawangan akan membangkitkan taksiran dengan merujuk kepada Rangka Kerja Audit Cukai (RKAC) 2019.

9. HAK DAN TANGGUNGJAWAB

9.1 LHDNM

- 9.1.1 Pegawai audit dikehendaki mematuhi peraturan dan kod etika yang digariskan oleh LHDNM seperti berikut dalam menjalankan tugasnya:
- a. Bersikap profesional, bersopan, amanah, jujur dan berintegriti;
 - b. sentiasa bersedia menerangkan tujuan kerja pengauditan dan hak serta tanggungjawab badan-badan diluluskan;
 - c. berpengetahuan dan melaksanakan undang-undang percukaian dengan adil dan saksama;

-
- d. bekerjasama dan sedia memberi nasihat dan bimbingan kepada badan-badan diluluskan;
 - e. memastikan kelancaran pelaksanaan semakan dengan gangguan yang minimum kepada badan-badan diluluskan;
 - f. meminta dokumen, buku akaun dan maklumat-maklumat yang berkaitan sahaja;
 - g. memberi penjelasan ke atas cadangan rektifikasi serta memberi peluang kepada wakil badan-badan diluluskan memberi penjelasan dan maklum balas ke atas penemuan hasil semakan di dalam tempoh yang munasabah; dan
 - h. memastikan hak dan kepentingan badan-badan diluluskan ejen cukainya dan dokumen-dokumen terpelihara.

9.1.1 Pengenalan diri pegawai audit:

- 9.1.1.1 setiap pegawai audit diberikan kad kuasa yang tertera nama dan gambar. Kad ini juga mengandungi kenyataan bahawa pegawai berkenaan diberi kuasa menyemak buku-buku akaun, dokumen serta rekod di premis badan-badan diluluskan;
- 9.1.1.2 badan-badan diluluskan dinasihatkan untuk memeriksa kad kuasa bagi mengesahkan kesahihan identiti pegawai audit; dan
- 9.1.1.3 wakil badan-badan diluluskan boleh menyemak dengan Pengarah Jabatan Dasar Percukaian LHDNM jika merasa sangsi terhadap kesahihan identiti pegawai audit.

9.1.2 Pegawai audit dilarang:

- 9.1.2.1 mempunyai kepentingan peribadi;
- 9.1.2.2 mengesyorkan kepada wakil badan-badan diluluskan untuk melantik ejen cukai tertentu sebagai ejen bagi sesuatu kes audit pematuhan; dan
- 9.1.2.3 menyalahgunakan kedudukan atau kuasa yang ada dalam

menjalankan tugas, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 118 ACP.

9.2 Badan-Badan Diluluskan:

9.2.1 Badan-badan diluluskan hendaklah:

- 9.2.1.1 memberikan kerjasama, bersopan, berlaku adil, jujur dan berintegriti;
- 9.2.1.2 menyediakan kemudahan dan bantuan yang munasabah bagi membolehkan pegawai audit menjalankan tugas sebagaimana yang digariskan dalam Ketetapan Umum No. 7/2000 yang antaranya adalah seperti berikut:
- a. membenarkan pegawai audit memasuki premis badan-badan diluluskan,
 - b. memberi maklumat dan menyediakan dokumen-dokumen dan rekod-rekod untuk disemak;
 - c. memberi penerangan berhubung dengan badan-badan diluluskan, sistem perakaunan dan maklumat;
 - d. memberi kebenaran menyemak dan menyalin rekod, dokumen dan buku akaun sama ada dalam bentuk fizikal dan / atau elektronik;
 - e. membantu menyediakan dan / atau mengakses rekod, dokumen, buku akaun yang disimpan secara fizikal dan / atau elektronik; dan
 - f. membenarkan penggunaan mesin penyalin, telefon atau alat komunikasi yang lain, peralatan elektrik, ruang pejabat, perabot dan kemudahan sistem salinan elektronik seperti cakera padat, pemacu pena (*pen drive*), cakera keras mudah alih (*portable hard disk*) atau sebarang media penyimpanan lain.
- 9.2.1.3 Memberi kerjasama untuk menjawab semua soalan yang dikemukakan:

-
- a. sekiranya soalan yang dikemukakan adalah kurang jelas, wakil badan-badan diluluskan boleh memohon penjelasan lanjut daripada pegawai audit;
 - b. badan-badan diluluskan dianggap melakukan satu kesalahan di bawah peruntukan ACP sekiranya gagal bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan.

9.2.2 Badan-badan diluluskan adalah dilarang:

- 9.2.2.1 memberi sebarang bentuk hadiah kepada pegawai audit dan berurusan dengan pegawai audit sepanjang tempoh pengauditan dijalankan;
- 9.2.2.2 membuat sebarang bentuk bayaran kepada pegawai audit; dan
- 9.2.2.3 menghalang pegawai audit daripada menjalankan tugas. Halangan tersebut adalah satu kesalahan di bawah seksyen 116 ACP yang melibatkan perkara-perkara berikut:
 - a. menghalang atau enggan membenarkan pegawai audit memasuki mana-mana tanah, bangunan dan tempat menurut seksyen 80 ACP;
 - b. menghalang pegawai audit untuk menjalankan fungsi-fungsi dan tugas di bawah ACP;
 - c. enggan mengemukakan apa-apa buku akaun atau dokumen lain dalam jagaannya atau di bawah kawalannya apabila diminta berbuat demikian oleh pegawai audit;
 - d. gagal memberikan bantuan yang munasabah kepada pegawai audit dalam menjalankan tugasnya; atau
 - e. enggan menjawab apa-apa soalan yang berkaitan semasa audit dijalankan.

9.3 Ejen Cukai Berdaftar

- 9.3.1 Badan-badan diluluskan hendaklah mengemukakan surat pelantikan ejen cukai berdaftar yang mewakili mereka. Badan-badan diluluskan boleh meminta ejen cukai berdaftar hadir bersama semasa sesi temuduga dijalankan. Badan-badan diluluskan juga dibenarkan menggunakan khidmat jurubahasa semasa sesi temuduga atau perbincangan sekiranya wakil badan-badan diluluskan tidak fasih berbahasa Malaysia atau Inggeris.
- 9.3.2 Ejen cukai berdaftar adalah tertakluk kepada kod etika yang telah dikeluarkan oleh LHDNM yang berasaskan kepada prinsip-prinsip berkaitan dengan integriti, akauntabiliti, ketelusan dan tanggungjawab sosial.
- 9.3.3 Dalam melaksanakan tugas, ejen cukai berdaftar hendaklah:
- 9.3.3.1 berintegriti, mempunyai nilai profesionalisme dan berpengetahuan tinggi terhadap undang-undang dan amalan percukaian;
 - 9.3.3.2 jujur, amanah, telus dan sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pembayar cukai dan juga LHDNM, seperti memaklumkan penamatan khidmat mereka sebagai ejen cukai serta sentiasa mengikuti prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh LHDNM;
 - 9.3.3.3 tidak menggunakan maklumat yang diperolehi atau kedudukan mereka sebagai ejen cukai bagi tujuan kepentingan peribadi;
 - 9.3.3.4 sentiasa memberikan maklum balas yang tepat berkenaan perkembangan proses pengauditan dan menasihati wakil badan-badan diluluskan berdasarkan kepada fakta yang tepat dan betul; dan
 - 9.3.3.5 memelihara kerahsiaan sesuatu maklumat dan memastikan supaya tidak berlaku kebocoran maklumat kepada pihak lain (seksyen 138 ACP 1967).

9.3.4 Ejen cukai berdaftar adalah dilarang:

9.3.4.1 melengahkan proses penyelesaian audit pematuhan atau melepaskan tanggungjawab yang telah diamanahkan; dan

9.3.4.2 memberi sebarang bentuk hadiah kepada pegawai audit termasuk bagi pihak badan-badan diluluskan.

10. LAYANAN CUKAI SELEPAS AUDIT PEMATUHAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44 (6), 44 (6B), 44 (11D) DAN P.U (A) 139/2020 ACP 1967

10.1 Di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 ACP 1967 perderma yang menyumbang kepada sesebuah badan-badan diluluskan yang diluluskan layak mendapat potongan atas derma tunai yang telah disumbangkan dalam menentukan jumlah pendapatan. Walau bagaimanapun, amaun potongan yang dibenarkan adalah terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat bagi individu dan syarikat.

10.2 Sesebuah badan-badan diluluskan telah ditarik balik kelulusan adalah dilarang menggunakan resit pengecualian cukai tersebut.

10.3 Penderma tidak lagi boleh menuntut pelepasan cukai apabila kelulusan pengecualian cukai ditarik balik mulai daripada tarikh pemakluman penarikan balik kelulusan tersebut dipaparkan menerusi laman sesawang LHDNM.

11. KERAHSIAAN MAKLUMAT

LHDNM akan memastikan semua maklumat yang diperolehi daripada badan-badan diluluskan melalui temuduga, perbincangan, surat menyurat atau semakan rekod/dokumen adalah rahsia dan hanya digunakan bagi tujuan audit pematuhan di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11D) dan P.U.(A) 139/2020 ACP 1967 sahaja.

12. PENGADUAN

12.1 Wakil badan-badan diluluskan boleh membuat pengaduan jika tidak berpuas hati dengan sikap pegawai audit atau cara-cara pengendalian audit pematuhan kepada Pengarah Jabatan Dasar Percukaian/ Timbalan Ketua Pengarah / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

12.2 LHDNM akan mengambil tindakan tegas, adil dan saksama dalam menangani aduan yang diterima.

-
- 123 LHDNM tidak akan melayan sebarang aduan yang tidak berasas serta mempunyai unsur-unsur atau niat yang tidak baik.
- 124 LHDNM akan membuat aduan terhadap ejen cukai atau wakilnya yang tidak memberi kerjasama atau bersikap tidak profesional dan bertentangan dengan kod etika kepada pihak berkuasa berkeajaan seperti Kementerian Kewangan Malaysia / *Chartered Tax Institute of Malaysia* / Institut Akauntan Malaysia / Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia / Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia / Majlis Peguam.

13. TARIKH KUAT KUASA

Rangka Kerja Audit Pematuhan ini berkuat kuasa mulai 15 Jun 2020.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri
Malaysia**

TARIKH : 15 JUN 2020